

PERPUSTAKAAN

EKSKLUSIF DALAM ISU INI

Oktober-Disember 2015

 1. Information Skills
 2. Mobile Friendly Resources
 3. Electronic Resources
 4. UTM Open E-Journals

DULI YANG MAHA MULIA RAJA ZARITH SOFIAH BINTI ALMARHUM SULTAN IDRIS SHAH, CANSELOR UTM BERANGKAT KE PAMERAN SEMPERNA "30 TAHUN UTM BERSAMA JOHOR"

Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, Canselor UTM telah berangkat menyaksikan Pameran 'Di Sini Lahirnya Teknokrat Negara' : 'Herein Lies Birthplace Of The Nations Technocrats' Sempena Sambutan 30 Tahun UTM Bersama Johor dan Majlis Konvokesyen UTM Ke-55 pada 17 September-31 Oktober 2015. Turut mengiringi Tuanku adalah Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar (Naib Canselor UTM), Y. Bhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang (mantan Naib Canselor UTM ke-5) dan Y.A.B. Dato' Mohamed Khalid bin Nordin (Menteri Besar Johor) bersama pasangan masing-masing. Perpustakaan UTM yang diwakili oleh Cik Haslina binti Othman, Ketua Bahagian Pembangunan Sumber, Perpustakaan UTM, diberi kepercayaan penuh oleh Universiti bagi menyampaikan penerangan berkaitan pameran kepada tetamu kehormat.



Pameran terdiri daripada poster berkaitan pembinaan bangunan pejabat pentadbiran, perpustakaan, kolej kediaman pelajar, fakulti, kawasan rekreasi dan sebagainya merentasi Rancangan Malaysia (RMK) bermula tahun 1980an sehingga fasa pembangunan terkini. Sudut 'Aspirasi & Harapan Naib Canselor UTM' pula merupakan paparan petikan teks ucapan semua Naib Canselor UTM dalam beberapa penerbitan rasmi Universiti yang menggambarkan persepsi mereka terhadap halatuju UTM pada zaman kepimpinan masing-masing. Pameran terdiri daripada poster ini diharap dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga UTM dan masyarakat umumnya.



PERPUSTAKAAN UTM CEMERLANG DALAM KONVENSYEN INOVATIF, EFISIEN DAN PRODUKTIF (KIEP) UTM 2015

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Perpustakaan UTM kerana berjaya merangkul kejayaan dalam Konvensyen Inovatif, Efisien dan Produktif (KIEP) 2015 yang telah berlangsung pada 24-25 November 2015 di Dewan Bankuet, Bangunan Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru. Konvensyen ini bertujuan memberi perhatian terhadap usaha-usaha memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Kumpulan KRISTALLib dari Bahagian Pembangunan Sumber telah berjaya

memperolehi penarafan emas kategori pengurusan bagi projek yang bertajuk "Pengurusan Tugas Di UPPM" manakala kumpulan Library SWAT dari Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Penyelidikan dan Sirkulasi, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) telah memperolehi penarafan perak bagi kategori teknikal dengan projek yang bertajuk "Masalah Pengguna Tidak Faham Dan Tidak Mahir Tentang Penunjuk Arah dan Lokasi Dalam Bangunan PRZS". Sementara itu, Kumpulan Librill yang bertanding dalam kategori Pengurusan

Kejatan telah berjaya mendapat penarafan Bintang Emas, kumpulan terbaik dan persembahan terbaik bagi projek yang bertajuk "Pengurusan Inter-Library Loan". Tahniah diucapkan di atas kejayaan ketiga-tiga kumpulan dari Perpustakaan UTM ini. Kejayaan ini dianggap sebagai yang terbaik pada tahun 2015. Semoga kejayaan kumpulan ini menjadi inspirasi kepada kumpulan-kumpulan yang lain dan semoga Perpustakaan UTM akan terus cemerlang dan maju pada masa hadapan.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Sejahtera

Terima kasih kepada sidang pengarang Buletin Perpustakaan UTM terbitan Oktober - Disember 2015 kerana menjadikan buletin ini sebagai satu wadah dalam menyampaikan dan menyebarkan maklumat terkini dan aktiviti Perpustakaan sepanjang tahun kepada pelanggan yang dihormati sekalian.

Perpustakaan UTM sentiasa ingin memberikan perkhidmatan dan sumbangan yang terbaik kepada para pelanggan selaras dengan misi dan visi Perpustakaan UTM khususnya dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) amnya. Oleh itu, pelbagai aktiviti dan program kepada pelanggan dan berbentuk kemasyarakatan telah dijalankan bagi memenuhi misi dan visi tersebut. Pada tahun 2015, antara aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Perpustakaan UTM adalah seperti Pameran bertema, Hari Bersama Pelanggan, Lawatan, Ceramah dan Latihan. Perpustakaan UTM juga telah menerima anugerah "Emerald's Highest Usage Award" bagi tahun 2014.

Perpustakaan juga sentiasa meningkatkan mutu dan kualiti sumber-sumber maklumat kepada pelanggan antaranya dengan memastikan setiap pangkalan data atas talian dapat dimanfaatkan oleh semua pelanggannya dan mengakses sumber-sumber tersebut bagi tujuan penyelidikan dan pembelajaran mereka.

Perpustakaan mengalu-alukan cadangan dan komen dari pengguna untuk menaiktaraf kemudahan yang disediakan terutamanya kelengkapan peralatan komputer, ruang belajar yang kondusif dan bahan rujukan yang terkini agar seiring dengan perkembangan semasa. Kesemua elemen ini amat diperlukan bagi menarik minat pengguna agar menjadikan perpustakaan sebagai lokasi utama bagi aktiviti akademik.

Akhir kata, semoga pada tahun 2016, aktiviti dan program yang baik sebelum ini dapat diteruskan dan diperbaiki lagi. Justeru, kakitangan perpustakaan diharap terus memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti kepada pelanggan perpustakaan. Sekian, terima kasih.

Akhir kalam, selamat membaca.

EDITORIAL TEAM

Patron: Kamariah binti Nor Mohd Desa; **Editor-In-Chief:** Noraziah binti Sharuddin; **Editor:** Salina binti Shamshuri

Editorial Team

Junaidah binti Isnain
Junaidah binti Abdullah
Hamidah binti Mat Arif
Syahranah binti A.Raqi
Nor Hafiza binti Daud Kaiyin
Nik Masrizah binti Zakaria
Noor Ayesha binti Mohd Ezanee
Sharifah Radhiah binti Syed Azman
Zurina binti Rosmani



Circulation

Sapuan bin Jamhuri, Mohd Nizam bin Hashim, Mohammad Firdaus bin Kusnin, Faridah binti Patoni

Photography

Wan Jamal bin Mohd Ariff

Buletin Perpustakaan is published quarterly by UTM Library.
Copyright© UTM Library, 2015

Information skills are techniques which you should acquire during your time in the university to help you not only in your studies, but could be applied throughout your life, at any time when you may need to find and use information.

Unknowingly, you might have developed some information skills before. Did you know, when you are looking up for information from the Internet, you are exhibiting your "information skill". Read on to know more on how to look up for relevant information effectively.

Key Information Skills

1. Knowing when you need to know something!
2. Knowing the different ways to find particular information e.g. will you find the answer in a book or on a computer?
3. Knowing which is the most efficient way to find what you want.
4. Being able to locate and access the information you need whether it is on an electronic database, in a journal, or on the Internet.
5. Being able to compare and evaluate information obtained from different sources.
6. Being able to organise, apply and communicate this information to others such as citing references in an essay or creating a bibliography.
7. The ability to learn - to take the new information and relate it to what you already know.

You need information skills to:

- Search the library catalogue
- Find books and journals on your reading list
- Find books and journal articles on your subject
- Use online databases e.g. ScienceDirect
- Search the Internet
- Evaluate information that you find on the Internet

There are information skills classes offered by the library as follows:

Classes for Undergraduates

- Basic Library Skills Class
- Advanced Library Skills Class
- UKQD1211: Information Searching Skills

For enquiry & registration, please email syazwanisyamimi@utm.my or call 07-5530195.

Classes for Postgraduates


- Library Workshop for Postgraduates
- Research Methodology Class: Library Search
- Writing with Endnote

For enquiry & registration, please email syazwanisyamimi@utm.my or call 07-5530195.

Training Courses

- Online Databases
- Turnitin

For enquiry & registration, please email syahrana@utm.my or call 07-5530027



WHAT THE LIBRARY CAN DO FOR YOU

ACCESS TO A WORLD OF INFORMATION AND THE SKILLS TO EXPLOIT IT

At UTM Library, we provide vital support for students, researchers and staff, complementing academic activities. We arrange access to the world of information whether online, multimedia or in print and the training and support to exploit it to the full. Come and make the most of us!

WEBSITE LINKS AND GUIDANCE


www.library.utm.my

Visit our excellent website for:

- guides to help you find and use resources in your subject, search e-resources and use the Library catalogue.
- links to purchased and free e-resources.
- information about Library collections and services

HELP AND TRAINING FROM INFORMATION EXPERTS

- You can ask us for help at Information Desks and Research Support or by email.
- Read our online guides on understanding your reading list, finding information in your subject, searching databases effectively, citing your references, and more.
- Take general training on using the Library's catalogue or using the EndNote package to search and manage references.



MORE AT UTM LIBRARY

- Study zones include quiet study areas with Wi-Fi facilities.
- IT facilities include open access PC areas, computer labs for training, discussion room and multimedia room.
- Executive Reference Room - exclusively for top management and researchers.

WHAT THE LIBRARY CAN DO FOR YOU

For more information, please contact:

UTM Library
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Skudai Johor Bahru

Tel: 07-5530188 (Circulation Desk)
07-5531137 (Research Support)
07-5530023 (Customer Support)
Fax: 07-5572555
Website www.library.utm.my
Email: lib-enquiryjb@utm.my



PROVIDING RESOURCES

Library collections are rich in resources.

- Frequently used printed texts are held on the shelf in the UTM Library.
- Electronic resources including reliable databases directing you to articles and books, 25,000 e-journals and e-books, easily accessible via our catalogue.



REACHING BEYOND UTM LIBRARY

Our service extends beyond our own collections.

- Our Inter-Library Loans service can bring you articles (most via electronic delivery) and books from other libraries.
- We can also help you use other academic libraries in Malaysia, through our library portal.


**Libraries are
the future of reading.**

- COURTNEY MILAN -

elibrary.utm.my



KEEPING UP-TO-DATE


MOBILE-FRIENDLY RESOURCES



BOOKMYNE™

Accessing the catalogue and your account

BookMyne™ makes it quick and easy to access UTM Library LESTARI on the go! Search the library collection, download items, manage your account, and find suggested reading instantly. iPhone, iPad and iPod touch users can download the BookMyne app from the Apple Store. It is also available for Android devices - download it from your device's market place or store.



MYLIP

My Library (MyLip) in Pocket is an android application that can be plug in easily to your smartphone.

Information about UTM Library can be accessed and viewed at any time, anywhere from your mobile phone. Additionally, you can check for your loan as well as receive latest information about the library.

ELECTRONIC RESOURCES @ UTM LIBRARY

The Library provides access to many resources in electronic format to complement our print collection and also to support research activities in UTM.


For help with e-resources, contact us at:

Level 3, Perpustakaan Sultanah Zanariah
Johor Bahru Building
Tel: 07-5530188 (Circulation Desk)
07-5531137 (Research Support)
Email : lib-enquiryjb@utm.my

Level 4, UTM Library
UTM Kuala Lumpur
Tel. : 03-26154301
Fax : 03-26922186
Email : lib-enquirykl@utm.my

Website : www.library.utm.my

UTM Library Catalogue (LESTARI) Search for books and journals	A-Z Databases Quick links to all resources
Electronic Journals Using online journals at UTM Library	News Sources Access newspapers, news wires and news transcripts.
Electronic Books An extensive collection of e-books; with some free access; others via library subscription.	Information Skills Develop your online research skills
Data and Statistics Access World Bank, UN, OECD, IMF data/statistics	Exam Papers For UTM students and staff only
Subject/Regional Resources Web-sites selected by library staff	Current Awareness Keep your research up to date



"The best way to predict your future is to create it."

-Abraham Lincoln

UTM OPEN ACCESS E-JOURNALS: THEIR USE, VALUE AND IMPACT

UTM open access e-journal is a periodical publication which is published electronically and is accessible from the Internet. Most of these scientific journals contain articles that have been peer reviewed to ensure that articles meet the journal's standards of quality and scientific validity.

ADVANTAGES OF UTM E-JOURNALS

Electronic journals have several advantages over traditional printed journals:

1. You can search the contents pages and/or the full text of journals to find articles on a certain subject.
2. You can read journal articles on your desktop, you don't have to be in the Library.
3. You can e-mail articles to yourself or download them for printing.
4. The article that you want to read will always be available, even when the Library is closed.
5. Hypertext links allow you to move to different sections within individual journals or articles and can link you to related resources on the Internet.
6. Journals can include more images and audio-visual material.
7. Journals can be interactive - you can e-mail the author or editor with your comments.

SEARCH FOR UTM E-JOURNALS

Open electronic journal titles published by UTM are freely accessible via Library portal at <http://library.utm.my/digital-resources-2/utm-open-e-journals/>



Among the list of open access journals available

FINDING MATERIAL IN THE LIBRARY

Most books and other reference materials are kept on open shelves which means that you can go and collect the items that you would like to see yourself. This also means that you can browse the shelves to see other related material.

The Library is mainly arranged according to subject areas, and some types of material, such as journals and fiction books, which are shelved in separate areas.

The best place to start your Library search is on the Library catalogue. Using the catalogue you can check to see if UTM Library holds particular items which you may have the details of or you can see what information the Library holds on a particular subject. Once you have found items you would like to see on the Library catalogue, you will have a "call number" for each one. Look these call number up on the Location list to find out exactly where an item is located in the Library.

If you are unsure about how to find anything in the Library please contact the Research Support Consultant where staff will be pleased to help you.



PAMERAN

'DI SINI LAHIRNYA TEKNOKRAT NEGARA'

Transformasi pembangunan fizikal UTM dibawa berkongsi dengan masyarakat melalui pameran bersempena program sambutan '30 Tahun UTM Bersama Johor' bermula 17 September sehingga 31 Oktober 2015, bertempat di ruang legar Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru.

Menelusuri sejarah panjang UTM bermula seawal 1904 sehingga kini merupakan himpunan rekod dan maklumat yang sangat bernilai kepada Universiti. Pengiktirafan kerajaan kepada UTM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan pada tahun 2010 adalah wajar dan bertepatan dengan pencapaiannya dalam pelbagai aspek sepanjang penubuhannya.

Statistik graduan UTM sejak 1972 sehingga Majlis Konvokesyen ke-55 pada 24-26 Oktober 2015 mencatat jumlah graduan seramai 173,607 orang dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian. Jumlah tersebut bukan sekadar peningkatan nombor tetapi ia jelas mencerminkan usaha serta kejayaan Universiti ke arah meningkatkan kuantiti dan kualiti graduan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi.

Tidak dinafikan cabaran besar yang ditempuhi dalam tempoh 30 tahun turut melibatkan aspek penyediaan fasiliti fizikal yang terbaik untuk warga kampus. Rentetan sejarah pembangunan fizikal UTM bermula dari sebuah ladang sehingga kini terserlah sebagai sebuah kampus yang kondusif jarang sekali diketengahkan kepada pengetahuan umum.

Gabungan Perpustakaan UTM melalui Unit Galerium bersama Pejabat Hal Ehwal Korporat dan Pejabat Harta Bina berjaya merealisasikan satu bentuk pameran yang ringkas namun berjaya menarik kunjungan warga kampus.

LIBRARY ACTIVITIES

Projek Khidmat Masyarakat Kg
Belukar Durian, Tanjung Sedili
Kechil, Kota Tinggi
11 Oktober 2015



Sesi Dialog Bersama Majlis Perwakilan
Mahasiswa UTM Sesi 2015/2016
15 Disember 2015



Ceramah Agama Sempena Maulidur
Rasul
23 Disember 2015
oleh Ustaz Mohamad Firdaus bin
Pazim @Padzim (Pusat Islam UTM).



MAJLIS PERSARAAN DAN PERPINDAHAN STAF 23 Disember 2015

Perpustakaan UTM merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan Wan Jamaliah binti Nayan yang bersara wajib pada 3 Februari 2016 di atas komitmen yang diberi sepanjang tempoh perkhidmatan di Perpustakaan. Selamat maju jaya dalam kehidupan di masa hadapan. Selamat maju jaya juga kepada staf yang bertukar jabatan di dalam UTM.

Perpindahan Staf

1. Pn Aslinda binti Mohamed Aris bertukar jabatan ke CICT
2. Pn Marfina binti Abdul Mustafa bertukar jabatan ke HEMA
3. Pn Aishah Noor binti Hamzah bertukar jabatan ke Fakulti Pengurusan
4. En Mohd Ainnul Fadhlly bin Mohd Ali bertukar jabatan ke Fakulti Pengurusan



Pembentangan Pelajar Praktikal UiTM 31 Disember 2015



Audit Surveillance SIRIM 11-12 November 2015



Pameran KIK Sempena Perjumpaan Bulanan Naib Canselor 9 November 2015



Program Persediaan Tindakan Kecemasan di Tempat Kerja 29 Oktober 2015

Program Persediaan
Tindakan Kecemasan
di Tempat Kerja telah
disampaikan oleh Dr. Yahya Mohd Yatim
serta wakil dari OSHE, Pejabat Harta Bina
dan juga Pihak Keselamatan UTM.



LIBRARY ACADEMIC VISITS

Lawatan Sambil Belajar Mahasiswa Universitas Bung Hatta, Padang, Indonesia
3 November 2015



Lawatan Sambil Belajar Mahasiswa Universitas Bung Hatta, Padang, Indonesia
3 November 2015



Lawatan Penanda Aras dan Perkongsian Ilmu 5S oleh perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), 13 Disember 2015



Lawatan Pelajar Tingkatan 3 Sekolah Menengah Islam Al-Akhyar Johor Bahru
15 November 2015



Lawatan Penyelidikan Pelajar UiTM Segamat - Pengurusan Rekod Audiovisual
7 Disember 2015



Pada tarikh 13 Disember, Perpustakaan UTM telah menerima kunjungan dari delegasi Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Seramai 11 orang staf yang hadir dalam kunjungan tersebut. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Cik Anuar Talib dan Cik Badariah Borham dan Cik Salina Shamshuri dan Puan Syahrana selaku Pegawai Pengiring.

Lawatan Penanda Aras Perpustakaan UTM ke Perpustakaan UiTM cawangan Johor
21 Oktober 2015



Gambar beramai-ramai di hadapan Perpustakaan Tun Dr. Ismail 1, UiTM Segamat Johor

LIBRARY TRAINING, WORKSHOP, DEMO ETC

LEXIS-MALAYSIA WORKSHOP

17 November 2015



UTMKL Library and Lexis Malaysia have organized a two hours workshop on 17th November 2015 held at Information Searching Lab. The workshop was conducted by a representative from Lexis Malaysia, Mr. Muhammad Firdhuan bin Fuad Zaki. The workshop was attended by students and researchers from MJIT as well as UTMKL librarians.

Participants were taught on basic and advanced search along with few legal terminologies. Newspaper cutting can also be found in this database.

At the end of the session the participants gave positive feedbacks and hoped that the session will continue to be organized in the future.

PUBLISHER'S TALK RESEARCH BEST PRACTICE

18 November 2015



UTM Kuala Lumpur was fortunate to have Dr. Wong Woei Fuh, an expert on research benchmarking, research integrity and technology transfer to present his talk on 18 November 2015. The event was a collaboration with Access Dunia, one of UTM Library electronic resource provider. and was attended by 72 participants consisted of students, lecturers, as well as researchers from various faculties and schools.

In his talk, Dr. Wong presented the best research methodology which include technology commercialization, citation index, university rankings, and research collaboration. The event which started at 10.00 am and ended 2 hours later was deemed too short by the participants who were clearly enjoying the talk. Most the participants were satisfied and hoped to attend similar session in the future.

TURNITIN TRAINING FOR INSTRUCTORS

29 November 2015



DATASTREAM TRAINING

1 December 2015



PERPUSTAKAAN UTM MENYERLAH DALAM PENGURUSAN KEJAT - ILL

Projek ini dizahirkan melalui Bengkel Pengenalan Pengurusan Kejat pada 10 September 2014 diikuti dengan beberapa siri ceramah mengenainya. Pada Mei 2015, kumpulan LIBRILL ditubuhkan di peringkat Perpustakaan UTM dan bermulalah perjalanan projek ini. Kumpulan ini dianggotai oleh 9 orang ahli diketuai oleh Puan Nor Asikin binti Mohamad, Encik Mohd Nasir bin Ibrahim, Puan Zafarina binti Dol, Puan Khairulbahyah binti Yaakub, Puan Norazila binti Safri, Puan Nurul Huda binti Abdul Wahid, Puan Norashikin binti Johari dan Puan Noor Adlina binti Ismail.

Projek pengurusan kejat ini bermula dengan aktiviti percambahan idea bagi mengenalpasti tajuk projek yang berpotensi dan berimpak tinggi. Tajuk Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan – Interlibrary Loan (ILL) telah dipilih sebagai fokus kajian. Ia bertitik tolak daripada aduan kelewatan pembekalan bahan ILL yang sering diterima daripada pengguna. Tempoh mendapatkan maklumbalas dari universiti awam yang membekalkan bahan ILL didapati melebihi sebulan. Melalui pendekatan pengurusan kejat yang merangkumi proses SIPOC, *value stream mapping*, penghapusan pembaziran, penambahbaikan dan GEMBA masa memproses dapat dikurangkan sebanyak 20 minit dan masa menunggu dapat dikurangkan sebanyak 14 hari. Setelah kajian lapangan GEMBA dibuat, keseluruhan proses ILL baru hanya mengambil masa 2562.75 minit iaitu 5.3 hari sahaja. Penambahbaikan ini tentunya



dapat meningkatkan mutu perkhidmatan serta memberi kepuasan kepada pengguna perpustakaan.

Projek ini telah mewakili Perpustakaan UTM pada Konvensyen Inovatif, Efisien dan Produktif (KIEP) 2015 anjuran Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (QRiM) pada 24-25 November 2015. Bagi kategori Pengurusan Kejat, 6 kumpulan telah mengambil bahagian iaitu Perpustakaan UTM, Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (CICT), Sekolah Pengajian Siswazah (SPS), Pusat Islam, Pejabat Harta Bina dan Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa. Perpustakaan UTM telah berjaya merangkul 2 anugerah pada konvensyen tersebut iaitu bagi kategori Kumpulan Terbaik dan Persembahan Terbaik. Syabas diucapkan kepada semua peserta.

LIBRARY NEWS

FACELIFT OF UTMKL LIBRARY

The library has been consistent in providing good environment to the users to enjoy in order for them to enjoy the best educational experience in campus. Good facilities and quality services play

a vital role to achieve this objective. In November, UTMKL Library has undergone few upgrading of facilities encompass of the Computer Zone at level 2 as well as additional space for



the Advanced Management Collections. All students enjoy the new workstation in the PC zone where they can work comfortably and easily.

PERSADA MINDA @ JKR

Pada 20-21 Oktober 2015, Perpustakaan UTM KL telah menyertai satu pameran bersempena program Persada Minda@JKR bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kementerian Kerja Raya, Kuala Lumpur. Program ini adalah langkah bagi mempromosikan perkhidmatan Perpustakaan UTM kepada orang ramai. Antara aktiviti yang dijalankan semasa program tersebut termasuklah pameran fungsi Perpustakaan UTM sebagai perpustakaan akademik, promosi UTM Reading Station, Keahlian Alumni, Keahlian Luar dan Keahlian Korporat. Melalui program tersebut sebanyak 47 buku telah diterima untuk UTM Reading Station hasil sumbangan peserta program. Pendaftaran Keahlian Luar juga berjaya ditingkatkan. Perpustakaan UTM yakin usaha dan program seperti ini perlu ditingkatkan pada masa hadapan bagi menggalakkan orang ramai mengenali Perpustakaan UTM dengan lebih dekat.



OPEN DAY @ UTM KL LIBRARY

"Hari Bertemu Pelanggan UTMKL" was held on 22nd October 2015 at Dewan Tan Sri Ainuddin, UTM Kuala Lumpur with participations from all departments, faculties and schools of UTM Kuala Lumpur. UTM KL Library also did not miss out this opportunity to meet our users. On this day, services provided including Turnitin registration and tutorial, Library account updates, finding of academicians H-Index and others. During the event, approximately 50 people came and most of them inquired in regards of Turnitin.

"Learn from yesterday, live for today, hope for tomorrow. The important thing is to not stop questioning." - Albert Einstein -

BUDAYA INOVASI BERJAYA TINGKAT PRODUKTIVITI KERJA

Budaya Inovasi dan kreativiti semakin digalakkan dan diterapkan dalam perkhidmatan kerajaan dan Universiti pada masa kini. Perpustakaan UTM juga tidak terkecuali dalam menyahut seruan kerajaan dalam memberi perkhidmatan menerusi inovasi. Sehubungan dengan itu, Perpustakaan UTM telah melaksanakan program tersebut melalui aktiviti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) antaranya melalui penglibatan kumpulan KristalLib (penarafan emas kategori pengurusan) dan Library SWAT (penarafan perak kategori teknikal) serta Librill (penarafan emas kategori pengurusan keajaiban) dalam Konvensyen Inovatif, Efisien dan Produktif (KIEP) 2015 yang telah berlangsung pada 24-25 November 2015. Sesungguhnya penglibatan semua kumpulan adalah sebagai penyuntik semangat kepada penyuburan budaya inovatif dan kreatif dalam kalangan warga Perpustakaan UTM.

KUMPULAN KRISTALLIB

Ringkasan Projek

Berdasarkan statistik pertengahan tahun 2015, daripada 74 permohonan tugas yang diterima, hanya 27% sahaja diterima melalui emel. Manakala, sebanyak 73% permohonan yang pelbagai adalah melalui lain-lain sumber seperti aplikasi whatsapp, sistem pesanan ringkas (sms), facebook, panggilan telefon dan permohonan secara lisan. Kesukaran mengurus rekod permohonan tugas multimedia adalah berpunca dari bentuk permohonan ini serta masalah merekod status tugas staf secara manual yang didapati kurang sesuai dengan persekitaran kerja-kerja penerbitan.

Latar Belakang Projek

Mewujudkan satu sistem atas talian yang fleksibel dan boleh menguruskan pelbagai tugas di Unit Pembangunan dan Pengurusan Media (UPPM). Tugas di UPPM adalah terdiri dari tugas mengambil gambar, rakaman video, rakaman siaran televisyen dan pembangunan montaj. Faedah yang diperolehi juga adalah untuk mewujudkan akses mudah yang boleh mengesan semula rekod aktiviti atau tugas yang telah dilakukan. Faedah yang diperolehi dari projek ini ialah akan

menjimatkan kos dari segi masa dan sumber tenaga kerana sistem maklumat secara atas talian yang lebih sistematik dan berkesan.

Cadangan Penyelesaian

Cadangan penyelesaian kepada permasalahan tersebut ialah dengan mewujudkan sistem baru berasaskan atas talian yang dikenali sebagai Sistem ONTIME yang mempunyai 4 subsistem yang terdiri dari Sistem Permohonan, Sistem Papan Maya, Sistem Laporan dan Sistem Producteev. Tunggak utama kepada portal ONTIME ialah sistem producteev di mana semua kerja-kerja direkodkan dan dikemaskini. Staf terbabit juga boleh mendapat maklumat dan memberikan maklumbalas tentang tugas yang dilakukannya dari masa ke semasa. Sistem ini dipilih berdasarkan faktor kos yang rendah, mudah difahami dan ianya stabil digunakan. Sistem ONTIME boleh di akses melalui 3 cara iaitu melalui portal, emel dan aplikasi mudah alih (mobile). Sistem ini juga telah berjaya mencapai sasaran projek iaitu sebanyak 91% dan mencapai penjimatan sebanyak RM93,942.50.



Sistem ONTIME telah berjaya meningkatkan produktiviti UPPM apabila sebanyak 420 aktiviti tugas telah berjaya diuruskan sepanjang tahun 2015 berbanding tahun 2014 hanya sebanyak 327 aktiviti tugas.

Biodata Kumpulan

Tarikh penubuhan kumpulan: April 2015

Anggota kumpulan: 8 orang

Ahli kumpulan:

1. Puan Zurina binti Rosmani (Ketua kumpulan)
2. En. Azmi bin Jufri (Fasilitator)
3. Encik Mohd Faezan Bin Abd Jalil
4. Puan Rohana Binti Abdul Rahim
5. Puan Dina Amalia Binti Nordin
6. Encik Hasbullah Bin Abd Jalil
7. Encik Saharuddin Bin Hassan
8. Encik Mohd Shahrizad Bin Mohammad Ariffin
9. Puan Roziana Binti Kamarudin

KUMPULAN LIBRARY SWAT

Ringkasan Projek

Inovasi yang dijalankan adalah sebagai solusi kepada masalah tersebut dari hasil kreativiti, keupayaan berfikir untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baru.



Latar Belakang Projek

Latar belakang projek adalah berdasarkan kepada tajuk projek iaitu "Mengatasi masalah pengguna tentang lokasi di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah". Ianya dipilih berdasarkan kajian dan pemerhatian yang diterima setiap hari di Kaunter Sirkulasi Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah.

Cadangan Penyelesaian

Cadangan penyelesaian kepada permasalahan tersebut ialah

dengan mewujudkan Kiosk Interactive Map untuk kegunaan pengguna dengan kos perbelanjaan berjumlah RM1720.00. Kesan dengan adanya Kiosk Interactive Map ini mampu membolehkan pengguna mengakses lokasi dan tempat yang ingin dituju dengan cepat dan mudah tanpa sebarang masalah. Secara tidak langsung prestasi perkhidmatan perpustakaan dan indeks kepuasan pelanggan meningkat.

Oleh itu, strategi promosi yang berterusan merupakan jalan keluar bagi menangani masalah ini bagi memperkenalkan Kiosk Interactive Map kepada pengguna di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah khususnya.

Biodata Kumpulan

Tarikh penubuhan kumpulan: 23 April 2015

Anggota kumpulan: 10 orang

Ahli kumpulan:

1. Puan Siti Zaleha binti Samad (Ketua kumpulan)
2. Encik Nor Azhar bin Nasrudin (Fasilitator)
3. Puan Liza binti Porijo
4. Puan Zalinda binti Shuratman
5. Puan Noor Adlina binti Ismail
6. Puan Siti Nur Aila binti Ahmad Nazri
7. Cik Nurfarain binti Daud
8. Encik Ahmad Nurul Fahmi bin Mohamad Zajuli
9. Encik Mohamad Admin bin Sadali
10. Encik Farhan bin Yuskelana

5S PERPUSTAKAAN UTM

PERSEKITARAN BERKUALITI KECEMERLANGAN ORGANISASI

GOTONG ROYONG PERDANA 5S

Aktiviti 5S di Perpustakaan UTM telah dilaksanakan berpandukan kepada Panduan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S Perpustakaan UTM yang telah dibangunkan. Gotong-royong Perdana 5S yang melibatkan semua staf Perpustakaan UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur telah diadakan serentak pada 5hb November 2015.

Aktiviti bermula seawal 8.15 pagi setelah semua staf berhimpun di Bilik Seminar 3, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru. Perhimpunan dimulakan dengan bacaan doa dari Encik Mohd Atif bin Mohd. Seterusnya, Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM, Dr. Hj. Kamariah binti Nor Mohd Desa telah memberi ucapan mengenai hasrat beliau untuk memfokus kepada keseragaman, kebersihan dan keselesaan di tempat kerja. Di samping itu, beliau juga berharap supaya semua pihak dapat memberi kerjasama dalam mewujudkan suasana selesa dan membersihkan kawasan Perpustakaan UTM. Aktiviti diteruskan dengan montaj 5S Perpustakaan UTM yang mengenengahkan perjalanan 5S Perpustakaan UTM sehingga kini dan kemudiannya diikuti dengan bacaan ikrar 5S oleh Encik Mohd Yusof bin Mohd Yaman. Aktiviti gotong royong berjalan dengan lancar dan berakhir sekitar jam 3.00 petang.

Manakala aktiviti gotong royong di Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Kuala Lumpur juga dimulakan pada jam 8.00 pagi dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Encik Nor Iman bin Ibrahim serta lafaz ikrar 5S oleh semua staf yang diketuai oleh Encik Mohd Rasyidin bin Arshad. Acara kemudian diteruskan dengan ucapan pembukaan dan penerangan ringkas oleh Ketua Bahagian Perpustakaan UTM KL, Puan Nik Masrizah binti Zakaria



mengenai perjalanan aktiviti untuk hari tersebut. Gotong-royong kali ini melibatkan aktiviti pelupusan dan pembuangan barang-barang yang tidak digunakan lagi.

Aktiviti gotong-royong sebegini diharap bukan sahaja dapat menerapkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan staf malah dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada para pengguna melalui penyediaan ruang-ruang yang bersih dan kondusif.



LAWATAN PENANDAARASAN KE PERPUSTAKAAN UTM CAWANGAN JOHOR CERNA IDEA KE ARAH PENZAHIRAN AMALAN 5S

Selaras dengan komitmen Perpustakaan UTM ke arah amalan persekitaran berkualiti, satu lawatan penanda aras QE-5S telah diadakan pada 21 Oktober 2015 ke Perpustakaan Tun Dr. Ismail, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Segamat, Johor. Lawatan ini telah disertai oleh 38 orang staf Perpustakaan UTM yang terdiri daripada ahli jawatankuasa 5S Perpustakaan diketuai oleh Pengerusi 5S Perpustakaan UTM, Cik Badariah binti Borham, ahli jawatankuasa Induk, Ketua Zon 5S dan ahli kumpulan. Staf Perpustakaan UTM telah disambut oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Puan Maznah binti A.Hamid, Puan Noraini binti Ismail, Pengarah Kualiti dan Puan Rosnaini, Timbalan Bendahari UiTM serta staf.

Objektif utama lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan berkenaan teknik pelaksanaan 5S yang telah diamalkan di Perpustakaan Tun Dr. Ismail serta melihat sendiri usaha-usaha yang dijalankan oleh mereka. Puan Maznah turut berkongsi tips untuk memenuhi kriteria yang ditetapkan semasa penilaian



dilakukan dan juga pentingnya membudayakan amalan persekitaran berkualiti secara berterusan.

Selepas solat zohor dan jamuan makan, lawatan bermula di Perpustakaan Tun Dr. Ismail 1 pada jam 2.30 petang. Staf berkesempatan melihat sendiri inovasi yang telah dilakukan oleh Perpustakaan Tun Dr. Ismail yang sedikit sebanyak telah memberi nilai tambah kepada persekitaran agar lebih ceria dan menarik. Dalam masa yang sama, kedua-dua pihak sempat bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman bagi tujuan tersebut. Lawatan bersurai kira-kira jam 4.00 petang.

Secara keseluruhan, sesi lawatan ini telah dapat merealisasikan penzahiran perkhidmatan berprestasi tinggi yang boleh diambil sebagai panduan kepada Perpustakaan UTM. Lawatan penanda aras ini secara langsung dapat membantu Perpustakaan UTM mencapai objektif yang diinginkan dengan idea-idea yang baru untuk melaksanakan QE-5S di Perpustakaan UTM secara lebih sistematik dan berterusan.





PERSIDANGAN PUSTAKAWAN PERPUSTAKAAN UTM 2015

PUSTAKAWAN PERLU KUASAI KEMAHIRAN KEPIMPINAN UNTUK KEKAL RELEVAN DENGAN PERKEMBANGAN SEMASA

Bagi memastikan Perpustakaan UTM terus relevan dan berperanan penting dalam arus perdana pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan, Persidangan Pustakawan, Perpustakaan UTM 2015 telah diadakan selama 2 hari pada 21-22 Disember 2015 bertempat di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru.

Persidangan kali ini menjemput Prof. Datuk. Razali bin Mahfar, Profesor Adjung, International Business School (IBS), UTM Kuala Lumpur selaku penceramah pada hari pertama persidangan. Beliau telah berkongsi pengalaman mengenai isu pengurus dan pemimpin dalam sesebuah organisasi. Kecemerlangan sesebuah organisasi adalah disebabkan oleh banyak faktor yang menjadi unsur utama atau penyebab langsung kepada pencapaian organisasi.

Kepimpinan berkesan juga sering dikaitkan dengan sifat, nilai dan tingkah laku yang beretika. Beliau telah merujuk kepada kajian kes sebenar di Shell dan Exxon Mobil untuk mengetahui bagaimana mereka mengurus dan mengenal pasti bakat dan pemimpin. Beliau turut berkongsi beberapa teori pengurus dan pemimpin di samping peranan pemimpin dalam mempromosi tindakan dan tingkahlaku beretika yang dapat dijadikan contoh oleh para pekerja. Akhirnya, beliau menutup persidangan hari pertama dengan mengulas bahawa seorang pemimpin adalah sumber, pemberi tenaga, arkitek dan *catalyst* bagi pekerja-pekerjanya. Mereka boleh menyebabkan banyak perbezaan ke atas prestasi pekerja dan organisasi dengan nilai-nilai positif yang dilahirkan. Pengurus dan pemimpin bukan dilahirkan secara azali adalah pemimpin tetapi dari pengetahuan dan pembelajaran, ia dapat melahirkan dan menzahirkan seorang pemimpin yang benar-benar membanggakan.

Sementara itu, Dr. Hajjah Kamariah binti Nor Mohd Desa, Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM dalam ucapan aluannya



berkata, senario semasa memerlukan golongan pustakawan bersikap profesional dengan ciri-ciri kepimpinan yang terpuji, peka dengan isu semasa supaya dapat menjadi pandu arah tepat kepada pencari maklumat pada masa kini. Pustakawan perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan isu semasa kepimpinan, serta mahir dalam pengaplikasiannya semasa bertugas supaya kekal relevan dengan perkembangan dunia teknologi maklumat masa kini dan persaingan global. Antara persoalan yang perlu diberi perhatian ialah peranan pustakawan sebagai agen strategi pengetahuan, kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir dan persiapan menghadapi pengurusan risiko.

Antara lain pengisian persidangan yang berlangsung selama dua hari ini antaranya ialah perkongsian kejayaan Perpustakaan UTM bagi tahun 2015, Prestasi Petunjuk Utama bahagian dan pembentangan Perancangan Perpustakaan UTM bagi tahun 2016.

Seramai 45 orang telah menghadiri persidangan ini yang terdiri daripada 42 orang pustakawan dari Johor Bahru dan cawangan Kuala Lumpur serta Perpustakaan SPACE, Penolong Pendaftar, Penolong Pegawai Eksekutif Kewangan dan Pegawai Teknologi Maklumat. Persidangan ini telah menjadi platform terbaik kepada perancangan dan gerak kerja Perpustakaan UTM dalam memenuhi petunjuk prestasi UTM dan objektif Perpustakaan UTM sebagai penyedia maklumat terulung dalam bidang sains dan teknologi. Adalah diharapkan usaha berterusan dan perancangan serta harapan terbaik ini mampu memacu Perpustakaan UTM lebih cemerlang dan berjaya.



"Kepimpinan yang efektif adalah tentang mendahulukan apa yang penting. Pengelolaan yang efektif adalah tentang disiplin, melaksanakan (apa yang telah diputuskan)" - Stephen Covey